# LAPORAN KAJIAN TARAF KEBAJIKAN PEKERJA SEKTOR PERINDUSTRIAN DI NEGERI MELAKA

**Disediakan untuk**

**Jawatankuasa Negeri Pembangunan Perindustrian**
**Negeri Melaka**

**Disediakan oleh**

**Abd Halim Mohd Noor ( Ketua Projek)**
**Arifin Md Salleh**
**Mazita Abdullah**
**Rozman Hussin**

**Institut Teknologi MARA, Melaka**
**11 Oktober 1994**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian taraf kebajikan pekerja sektor perindustrian dinegeri Melaka, adalah kerjasama di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dengan Institut Teknologi Mara (ITM) Melaka. Kajian ini melibatkan seramai 600 responden dari 90 buah kilang di tujuh kawasan peridustrian.

Taraf kebajikan pekerja perlu diberikan perhatian, memandangkan sektor perindustrian merupakan tunggak kegiatan ekonomi negara. Jika taraf kebajikan ini tidak diambil perhatian yang serius samada oleh kerajaan atau majikan, ini akan mewujudkan suasana yang tidak harmonis , bolih mengakibatkan kerugian kepada semua pihak yang terbabit.

Penemuan kajian ini dibincangkan di bab 4. Ia menunjukkan sebilangan besar majikan telah menyediakan kemudahan-kemudahan seperti kediaman, pengangkutan, kesihatan, pakaian kerja, kantin, tempat dan masa untuk beribadah dan cuti. Dari segi aspek pendapatan, didapati pendapatan purata di kalangan pekerja kilang ialah RM 549.44. Bagaimanapun gaji asas pekerja adalah rendah iaitu RM 320.40. Aspek-aspek seperti pembangunan sumber manusia, kemalangan di tempat bekerja, skim perlindungan insuran, penglibatan dalam pertubuhan samada dalaman atau luaran perlu diberi perhatian. Permasalahan taraf kebajikan ini juga perlu mengambilkira kehadiran pekerja-pekerja asing.

Beberapa cadangan untuk mempertingkatkan lagi taraf kebajikan pekerja kilang dikemukakan di Bab 5. Antara cadangan ialah menggalakkan program pembangunan sumber manusia , memperkenalkan program kilang penyayang , penubuhan pejabat hal

ehwal kesatuan sekerja disetiap kawasan perindustrian, menyediakan program dan kemudahan bersukan, memastikan pekerja diberikan perlindungan yang sempurna dan menumpukan perhatian terhadap kebajikan pekerja asing.

Kajian lanjut terutamanya terhadap usaha-usaha mempertingkatkan penglibatan pekerja-pekerja kilang dengan persatuan luar dan aspek-aspek jaminan sosial hendaklah di lakukan oleh pengkaji-pengkaji seterusnya.

Akhir sekali, hubungan tripartisme: kerajaan, majikan dan pekerja untuk mempertingkatkan taraf kebajikan pekerja adalah perlu. Hubungan ini hendaklah dilandaskan atas prinsip faedah bersama yang lebih seimbang, lebih-lebih lagi negara kini pesat mengalami proses pembangunan perindustrian kearah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

# ISI KANDUNGAN


**MUKASURAT**

| | | |
|---|---|---|
| RINGKASAN EKSEKUTIF | | i |
| PENGHARGAAN | | iii |
| ISI KANDUNGAN | | iv |
| SENARAI JADUAL | | vi |
| **BAB 1** | **LATARBELAKANG KAJIAN** | |
| 1.0 | PENGENALAN | 1 |
| 1.1 | PENILAIAN PENULISAN | 2 |
| 1.2 | OBJEKTIF KAJIAN | 4 |
| 1.3 | DEFINISI ISTILAH | 5 |
| 1.4 | PENYUSUNAN LAPORAN | 6 |
| **BAB 2** | **KAEDAH PENYELIDIKAN** | |
| 2.0 | PENGENALAN | 7 |
| 2.1 | PERSAMPELAN | 7 |
| 2.2 | REKABENTUK SOALSELIDIK | 8 |
| 2.3 | UJIAN RINTIS | 9 |
| 2.4 | KERJA MEDAN | 9 |
| 2.5 | PEMPROSESAN DAN PENGANALISAAN DATA | 10 |
| 2.6 | KADAR MAKLUMBALAS | 11 |
| 2.7 | PERMASALAHAN | 11 |
| **BAB 3** | **PROFIL RESPONDEN** | |
| 3.0 | PENGENALAN | 12 |
| 3.1 | UMUR | 12 |
| 3.2 | TARAF PERKAHWINAN | 13 |
| 3.3 | JAWATAN | 13 |
| 3.4 | LAMA BEKERJA | 13 |
| 3.5 | JENIS KILANG | 14 |

**BAB 4 PENEMUAN DAN ANALISA**

| | | |
|---|---|---|
| 4.0 | PENGENALAN | 15 |
| 4.1 | KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR | 15 |
| 4.2 | KEMUDAHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA | 24 |
| 4.3 | IMBUHAN | 25 |
| 4.4 | PELUANG KENAIKAN PANGKAT | 32 |
| 4.5 | PUSING GANTI BURUH | 33 |
| 4.6 | KEMALANGAN DI TEMPAT BEKERJA | 34 |
| 4.7 | KESATUAN SEKERJA | 35 |
| 4.8 | AKTIVITI SELEPAS KERJA | 36 |
| 4.9 | PENGLIBATAN DENGAN PERTUBUHAN LUAR | 36 |
| 4.10 | KEAHLIAN DALAM PERTUBUHAN POLITIK | 39 |
| 4.11 | TAHAP KEBAJIKAN PEKERJA ASING | 39 |
| 4.12 | RUNGUTAN PEKERJA ASING | 40 |

**BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| 5.0 | PENGENALAN | 41 |
| 5.1 | RUMUSAN | 41 |
| 5.2 | CADANGAN | 42 |
| 5.3 | PENUTUP | 45 |

**RUJUKAN** 46

**LAMPIRAN**

**Lampiran 1 Surat YB Datuk Mohd Ali Mohd Rustam**
**Lampiran 2 Jadual kerja kajian**
**Lampiran 3 Senarai kilang-kilang yang terbabit dalam kajian**
**Lampiran 4 Borang soalselidik**
**Lampiran 5 Kod Manual**